



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

KARNIVAL TVET MADANI JOM PILIH KEMAHIRAN ZON SELATAN 2023

PEDAS, NEGERI SEMBILAN, 16 JUN 2023 - Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan PERKESO telah mengadakan **Karnival TVET Madani Jom Pilih Kemahiran Zon Selatan 2023**. Karnival ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan yang diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas, Negeri Sembilan dan turut dihadiri oleh Yang Berhormat, Tuan Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Karnival ini merupakan siri kedua daripada enam siri yang akan diadakan pada tahun ini dan akan menjelajah ke seluruh Malaysia. Karnival siri pertama telah diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, Sabah pada 19 Mac 2023 dengan kehadiran sejumlah 5,284 pengunjung.

Karnival ini merupakan platform penting untuk memberikan pendedahan awal mengenai program pendidikan TVET oleh penyedia latihan awam dan swasta di Negeri Sembilan. Di samping itu, pameran kerjaya dan temu duga secara walk-in oleh syarikat turut diadakan. Karnival ini telah dihadiri oleh seramai kira-kira 2000 orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, guru, ibu-bapa, belia, komuniti, dan pihak industri.

Karnival pada kali ini dibahagikan kepada lima hub iaitu Skills Exhibition Hub, Skills Seminar Hub, Skills Job Fair Hub, Skills Challenge Hub dan Skills Entrepreneur Hub. Karnival ini turut menganjurkan sesi Konvensyen TVET Madani yang melibatkan sesi ucap tama daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia dan dua panel pembentang daripada jabatan / agensi pengamal TVET.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sentiasa komited dalam memperkasakan dan mengarusperdanakan bidang TVET di negara ini. Ia adalah selaras dengan inisiatif yang telah digariskan di dalam Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran ‘Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri 2021-2025.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA